

PM hurai pengalaman kejayaan Malaysia

UM 19 JUN 2000

Daripada OTHMAN MOHAMAD'

KAHERAH 18 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menghuraikan pengalaman Malaysia dalam memajukan dan menjayakan sektor perindustrian kepada para usahawan Mesir yang begitu berminat dengan pencapaian negara.

Perdana Menteri telah menghuraikan bagaimana Malaysia berupaya mengembangkan ekonominya yang bermula sekadar pengeluaran utama getah asli dan timah kepada kegiatan pengeluaran dan perindustrian dengan jayanya.

Dalam ucapannya bertemakan Pengalaman Malaysia dan Perindustrian, beliau mengupas dasar pragmatik kerajaan menerusi Pelan Induk Perindustrian yang telah berjaya dalam mengeluarkan pelbagai barangan.

Dasar itu yang turut memperkenalkan 'sikap kerajaan yang mesra perniagaan' telah menarik banyak pelaburan melibatkan pelabur tempatan dan asing, katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada lebih 50 orang usahawan yang mewakili Jawatankuasa Senat Mesir Mengenai Industri dan Tenaga, di bandar perindustrian 10 Ramadan, 70 kilometer dari sini.

"Halangan-halangan birokrasi dikurangkan

sebanyak mungkin manakala apa juga bentuk rasuah dibanteras," jelasnya.

Beliau menambah, semuanya itu membolehkan Malaysia kini meningkatkan eksport tahunannya kepada AS\$84.5 bilion dengan 80 peratus daripadanya adalah barangan elektronik dan elektrik.

Dr. Mahathir turut menghuraikan bagaimana Malaysia melakukan pemindahan teknologi menerusi projek-projek usaha sama dengan banyak pengusaha asing, yang akhirnya membolehkan Malaysia menyediakan tenaga manusia yang mempunyai kemahiran tinggi dalam pelbagai bidang.

"Hasilnya keluaran barangan bukan sahaja pelbagai malah bermutu dan ia dapat dieksport ke seluruh dunia.

"Kini soal kemahiran tenaga kerja dan kualiti barangan Malaysia tidak lagi dipertikaikan," jelasnya pada majlis itu yang turut dihadiri oleh Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Sebelum itu, Dr. Mahathir melawat Oriental Group, syarikat gergasi Mesir, juga di bandar 10 Ramadan.

Konglomerat itu yang mempunyai 15 syarikat

dan terkenal dengan industri permaidannya kerana memasuki pasaran ke merata dunia, mempunyai 7,000 orang pekerja.

Ketibaannya dan rombongan disambut oleh Pengerusi Oriental Group, Muhammad Farid Khamis.

Pada sebelah petang ini, Dr. Mahathir menghadiri majlis perasmian Pesta Dagangan sempena Persidangan Kumpulan 15 Negara Membangun (G-15) di Pusat Pameran Kaherah di Nasr City, di sini. Perasmiannya dilakukan oleh Presiden Mesir, Hosni Mubarak.

Esok, Dr. Mahathir akan menghadiri Persidangan Kemuncak G-15 kali ke-10 yang juga akan dirasmikan oleh Mubarak.

Selain Dr. Mahathir dan Mubarak; Perdana Menteri Jamaica, Percival J. Patterson; Perdana Menteri Zimbabwe, Robert Mugabe akan menyertai persidangan kemuncak itu yang kedua diadakan di bandar raya terbesar di benua Afrika ini.

Presiden Argentina, Fernando de la Rúa; Presiden Algeria, Abdul Aziz Boutelika; Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid; Presiden Nigeria, Olusegun Obasanjo serta Presiden Senegal, Abdoulaye Wade juga akan hadir. — *Utusan*